

RINGKASAN EKSEKUTIF

KERTAS CADANGAN	Cadangan Kelulusan Memperbaharui Insurans Perlindungan Bencana Kebakaran dan Kecurian untuk Bangunan, Peralatan Pejabat dan Perabot Milik MPC
TEMPAT	- Bangunan Ibu Pejabat MPC; - Bangunan Kompleks Kampus MPC Wilayah Utara; - Bangunan Kompleks MPC Wilayah Selatan; dan - Bangunan Kompleks MPC Wilayah Sarawak.
LATAR BELAKANG	- Selaras dengan perakuan pihak Jabatan Audit Negara melalui suratnya AUDIT/BBP/147/379/7(58) bertarikh 8 Disember 2003, MPC perlu memastikan semua bangunan / harta miliknya dijaga dengan baik dan selamat termasuk mengambil insurans untuk melindungi segala bangunan/ hartadari bencana kebakaran. - Mendapatkan perlindungan insurans untuk bangunan-bangunan milik MPC seperti mana yang tercatat di dalam polisi.
JUSTIFIKASI	- Insurans bangunan adalah sebagai perlindungan kepada harta-harta daripada berlakunya musibah atau sesuatu perkara yang tidak diingini. - Penting untuk melindungi aset-aset yang ada supaya kerugian yang akan dialami atas sesuatu musibah dapat dikurangkan.
TEMPOH	1 Jun 2021 hingga 31 Mei 2022 (12 Bulan)
KOS YANG TERLIBAT	RM 15,523.14

KERTAS KERJA UNTUK PERTIMBANGAN DAN KELULUSAN LEMBAGA PENGURUSAN (BOM) MPC

TAJUK: Cadangan kelulusan memperbaharui insurans perlindungan bencana kebakaran dan kecurian untuk bangunan, peralatan pejabat dan perabot milik MPC.

1.0. TUJUAN

- 1.1. Kertas kerja ini bertujuan untuk mendapatkan kelulusan Lembaga Pengurusan untuk memperbaharui insurans perlindungan bencana kebakaran dan kecurian untuk semua bangunan kepunyaan MPC bagi tempoh setahun mulai 1 Jun 2021 hingga 31 Mei 2022.
- 1.2. Perlindungan meliputi bangunan milik MPC seperti berikut:
 - i. Bangunan Ibu Pejabat MPC;
 - ii. Bangunan Kompleks Kampus MPC Wilayah Utara Jalan Bertam;
 - iii. Bangunan Kompleks MPC Wilayah Selatan; dan
 - iv. Bangunan Kompleks MPC Wilayah Sarawak.

2.0. LATARBELAKANG

- 2.1. Untuk makluman, tempoh insurans perlindungan bencana kebakaran untuk semua bangunan milik MPC akan tamat pada 31 Mei 2021.
- 2.2. Selaras dengan perakuan pihak Jabatan Audit Negara melalui suratnya AUDIT/BBP/147/379/7(58) bertarikh 8 Disember 2003, MPC perlu memastikan semua bangunan / harta miliknya dijaga dengan baik dan selamat termasuk mengambil insurans untuk melindungi segala bangunan / harta dari bencana kebakaran.
- 2.3. Mendapatkan perlindungan insurans untuk bangunan-bangunan, peralatan pejabat dan perabot milik MPC sepertimana yang tercatat di dalam cadangan polisi.

3.0 JUSTIFIKASI

- 3.1 Insurans bangunan adalah sebagai perlindungan kepada harta-harta daripada berlakunya musibah atau sesuatu perkara yang tidak diingini.
- 3.2 Penting untuk melindungi aset-aset yang ada supaya kerugian yang akan dialami atas sesuatu musibah dapat dikurangkan.

4.0 PENUTUP

Persetujuan Lembaga Perolehan MPC adalah dipohon untuk meluluskan bagi memperbaharui insurans perlindungan kebakaran dan kecurian untuk semua bangunan, peralatan pejabat dan perabot milik MPC bagi tempoh setahun dengan jumlah premium RM 15,523.14


Disediakan oleh,


.....
(NOR IZZATI BINTI NORHISAM)
Pengurus
Unit Pengurusan Perolehan
Bhg. Khidmat Pengurusan & Kewangan

Disemak oleh,


.....
(MAHADI HASULLAH)
Pengurus Kanan
Unit Pengurusan Perolehan
Bhg. Khidmat Pengurusan & Kewangan

Disokong oleh,


.....
(MOHD YAZID ABDUL MAJID)
Pengarah
Bhg. Khidmat Pengurusan & Kewangan